


ALGA tidak menjejaskan hidupan laut lain seperti ikan, udang, ketam dan sebagainya.

'PUASA KUPANG' 20 HARI

Orang ramai perlu tunggu pengesahan kupang selamat dimakan daripada pencemaran



Port Dickson

Hasil analisis makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur mendapati terdapat alga berbahaya yang menyebabkan kupang di perairan Port Dickson dicemari dan tidak selamat dimakan.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Wan Aznan Abdullah berkata sampel air dan kupang di perairan tersebut dicemari biotoksin serta alga spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* berbahaya.

"Faktor cuaca panas juga antara punca alga ini membiak dengan cepat dalam perairan tersebut namun ia tidak menjejaskan hidupan laut lain seperti ikan, udang, ketam dan sebagainya.

"Kita menasihatkan orang ramai supaya tidak makan kupang dalam tempoh 20 hari, selepas musim perayaan ini kita akan ambil lagi sampel untuk diuji, sebelum membuat pengesahan bahawa kupang di sini selamat untuk dimakan," katanya pada sidang media di sini, kelmarin yang turut dihadiri Pen-

garah Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawe.

Wan Aznan berkata jabatan akan meneruskan pemantauan dengan pengujian secara berkala mengikut prosedur ditetapkan sehingga kepadatan sel di dalam air berkurangan dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan.

FAKTOR cuaca panas antara punca alga membiak dengan cepat.



Beliau berkata kerjasama dengan anggota penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), polis marin di perairan di sini bertujuan memastikan tiada tangkapan serta jualan kerang-kerangan di daerah ini.

"Pengusaha kupang berdaftar di sini adalah di Pasir Panjang dengan 40 penternak termasuk tidak berdaftar. Kupang sedia ada dalam perairan itu tidak perlu dilupuskan, ia akan neutralise sendiri, kecuali kupang yang sudah dituai dan dijual di pasar yang perlu dihapuskan," katanya.

Beliau berkata sampel air turut diambil di perairan Melaka dan Johor namun didapati selamat dan tiada kehadiran atau pembiakan alga tersebut.

Pada Selasa, Jabatan Kesihatan

negeri memaklumkan terdapat laporan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang dan kini seorang mangsa keracunan masih menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU), Hospital Port Dickson.



PEGAWAI Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Noradiana Noran melakukan pensampelan air laut berhampiran kawasan penternakan kupang bagi uji kaji di Kampung Telok, Pasir Panjang, Port Dickson.